

LATAR BELAKANG

Perkembangan semasa yang berlaku dalam pembelajaran dan pengajaran sentiasa mempengaruhi bidang pendidikan. Fokus pembangunan modal insan yang holistik dalam pendidikan merupakan elemen penting dalam menjayakan transformasi sistem pendidikan bagi memenuhi keperluan menghasilkan bakat-bakat yang kritis, kreatif dan inovatif yang diperlukan negara. Bagi mencapai tujuan ini, maka seminar ini membolehkan penyelidik, ahli akademik dan pengamal pendidikan berkongsi hasil penemuan terkini dalam bidang pembelajaran dan pengajaran dan amalan terbaik yang telah dihasilkan melalui kajian.

TEMA

Tema bagi Seminar Kebangsaan Inovasi Pembelajaran dan Pengajaran (SKIPP 2016) ialah "Pembangunan Pelajar Holistik dalam Pendidikan Fleksibel".

OBJEKTIF

Seminar ini bertujuan untuk mencapai objektif berikut:

- Menyediakan ruang untuk pakar-pakar daripada pelbagai institusi dan komuniti untuk berkongsi idea dalam membincangkan hasil penyelidikan dan pengalaman sebagai sumber idea untuk menyelesaikan masalah berkaitan pembelajaran dan pengajaran.
- Memberi cadangan jalan penyelesaian dalam Inovasi pembelajaran dan pengajaran kepada agensi-agensi terlibat dan pihak yang berkepentingan
- Membuat jaringan antara pakar-pakar untuk memantapkan pembangunan modal insan dalam pembelajaran dan pengajaran.
- Sebagai salah satu program yang menyokong agenda *Discover UUM 2016*.

UCAP UTAMA

UCAP UTAMA 1



Prof. Dr. Rosna Awang Hashim

Universiti Utara Malaysia

Tajuk
Sinergi Quad-Helix dalam
Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi

Profesor Dr. Rosna Awang-Hashim merupakan mantan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) dan profesor bidang Psikologi Pendidikan di Pusat Pengajian Pendidikan & Bahasa Moden, UUM. Semasa mengetuai pasukan *CAP Teaching & Learning* beliau bersama pasukannya telah mencadangkan integrasi *High Impact Educational Practices* dalam kurikulum pendidikan tinggi. Sekarang beliau merupakan Ketua Editor *Malaysian Journal of Learning & Instruction* (SCOPUS), UUM.

UCAP UTAMA 2



Prof. Dr. Raja Maznah Raja Hussin

Universiti Utara Malaysia

Tajuk
Kesarjanaan Akademik: Penyelidikan dalam Amalan

Profesor Dr. Raja Maznah Raja Hussain seorang pakar dalam bidang Rekabentuk Pengajaran atau *Instructional Design*. Beliau mempunyai misi untuk meningkatkan pembelajaran di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia melalui pembedayaan *Scholarship of Teaching and Learning* (SoTL). Beliau percaya bahawa seorang akademik yang cemerlang adalah seorang pemimpin yang sentiasa mengkaji dan mencari jalan untuk meningkatkan amalan pengajaran yang bertujuan membantu pembelajaran pelajar.

SESI PERKONGSIAN



Penceramah dari Taylor's University

Tajuk
Penggunaan *Game* (Gamifikasi),
Pembelajaran Teradun dan Pembelajaran Model *Flipped*

PAKEJ SEMINAR SKIPP 2016

Yuran penyertaan tidak termasuk penginapan. Tarikh akhir pembayaran yuran pada **21 Mac 2016**.

PAKEJ	Pakej A	Pakej B	Pakej C
	RM 600	RM 700	RM 750
Makan (Tidak termasuk makan malam)	✓	✓	✓
Kit Seminar	✓	✓	✓
Lawatan ke Prince of Songkla University & Hadyai	✗	✗	Terhad 25 peserta terawal
Bengkel	✗	Terhad 25 peserta terawal	✗

Untuk lawatan ke **Prince of Songkla University & Hadyai (Pakej C)** adalah seperti berikut:

- Tiada makanan disediakan sepanjang perjalanan.
- Sebarang dokumen ke luar negara adalah urusan peserta sendiri.
- Pengangkutan (bas) disediakan.
- Terhad kepada **25 peserta** sahaja (*First come first serve basis*)
- Tarikh akhir pembayaran pada **15 Mac 2016**

Untuk **Bengkel (Pakej B)** adalah seperti berikut:

- Terhad kepada **35 peserta** sahaja (*First come first serve basis*)
- Tarikh akhir pembayaran pada **15 Mac 2016**

Bagi peserta yang menginap di Universiti Inn dan EDC, UUM pengangkutan ke Dewan Seminar akan disediakan.

URUSETIA SEMINAR SKIPP 2016

Pn. Norhidayah Mohd Kaharuddin

Pusat Pengajaran Pembelajaran Universiti, Universiti Utara Malaysia

Tel : 04-928 4690 Fax : 04-928 4702

E-mail : hidayah@uum.edu.my

Website: www.utlc.uum.edu.my/skipp